

Praktis 15: Kata Ganda Seluruh dan Kata Ganda Separa

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Garis kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Setiap tugas-tugas yang dilakukan mengikut format akan diberi markah tambahan.

- (ii) Pekerja majlis perbandaran itu menyapu dedaun-dedaun kering yang bersepah-sepah di jalan raya.

- (iii) Sepanjang ceramah tersebut, Ustaz Nabil sentiasa mengingatkan para penonton-penonton supaya melafazkan puji-pujian kepada Tuhan atas pelbagai nikmat yang dikurniakan.

- (iv) Alex kelihatan tenang ketika menjawab soalan-soalan yang dikemukakan seolah dia mengetahui jawapan yang tepat.

- (v) Mak Limah memotong agar untuk dijamukan kepada tetamu yang datang.

- (vi) Ribuan penonton-penonton yang membanjiri stadium terhibur dengan corak permainan kedua-dua pasukan.

Praktis 16: Kata Ganda Berentak dan Kata Ganda Berimbuhan

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Garis kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Berbulan lamanya pihak polis memantau gerak-geri kumpulan penjenayah itu sebelum berjaya memberkas mereka.

- (ii) Masyarakat Malaysia memang biasa saling kunjung-mengunjungi pada hari-hari perayaan.

- (iii) Kucing itu mengiau-ngiau berkali-kali untuk meminta makanan di kedai makan tersebut.

- (iv) Rambutnya amat kusut-masai kerana dia baru bangun daripada tidurnya.

- (v) Kedai runcit Encik Ravi bukan sahaja menjual pelbagai barangan keperluan harian, tetapi juga pelbagai jenis ubat-ubatan.

- (vi) Supiah rajin menolong ibunya menjual pelbagai jenis kuih-muih di gerai.
